

30 DEC 1998

PPP ADAKAN "RUMAH TERBUKA" TAHUN BARU JUMAAT INI

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau gembira melihat kemajuan yang dicapai Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) dan keupayaan parti komponen Barisan Nasional (BN) itu dalam mengatasi masalah dalamannya dengan baik.

Dalam kata-kata aluannya sempena majlis "rumah terbuka" dan majlis berbuka puasa sempena tahun baru 1999 anjuran PPP di Pusat Dagangan Dunia Putra Jumaat ini, beliau berkata kesediaan anggota parti itu yang berbilang kaum bersatu dan bekerjasama dalam mencapai matlamat dalam ekonomi, pendidikan, sosial dan politik harus diberi pujian.

Beliau yang juga pengerusi BN turut mengucapkan tahniah kepada PPP kerana mengadakan majlis rumah terbuka dan majlis berbuka puasa.

"Sebagai negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum, budaya dan agama, sewajarnya acara rumah terbuka ini menjadi amalan kita kerana ia dapat memupuk semangat perpaduan dan persefahaman antara rakyat," kata Perdana Menteri.

Kata beliau, rumah terbuka yang diadakan dalam bulan Ramadan dapat mendedahkan mereka yang bukan Islam kepada salah satu daripada amalan umat Islam dalam mengerjakan ibadah mereka tanpa menjejaskan kerukunan hidup masyarakat majmuk negara ini.

Sementara itu, Presiden PPP Datuk M.Kayveas dalam satu kenyataan hari ini berkata majlis rumah terbuka itu akan diadakan antara pukul 7 malam dan 10 malam.

--BERNAMA

ES ZB